



---

**KENYATAAN MEDIA**

**PENAMBAHBAIKAN PROSES PENCALONAN PENERIMA  
SKIM AGIHAN PAKAIAN DAN PERALATAN PERSEKOLAHAN  
DAN SKIM AGIHAN NUR RAMADAN**

---

Sebagaimana amalan biasa, setiap tahun ZPP akan mengagihkan dana zakat kepada pelajar melalui **Skim Agihan Pakaian dan Peralatan Persekolahan** bagi meringankan beban ibubapa dari golongan yang kurang berkemampuan membeli pakaian dan peralatan persekolahan. Manakala **Skim Agihan Nur Ramadan** pula diagihkan kepada asnaf Fakir dan Miskin dengan matlamat untuk meringankan beban golongan ini dan seterusnya memberikan kegembiraan sempena menyambut kedatangan Ramadan dan Aidilfitri.

Bagi Skim Agihan Pakaian dan Peralatan Persekolahan Sesi 2025, MAINPP telah meluluskan dana untuk diagihkan kepada pelajar yang akan dibuat melalui kaedah pembayaran tanpa tunai dengan setiap pelajar akan menerima sebanyak RM150.00. Jumlah keseluruhan peruntukan adalah **RM3,191,700.00** melibatkan jumlah anggaran pelajar yang layak seramai lebih 21,000 orang.

Manakala bagi Skim Agihan Nur Ramadan, berdasarkan rekod tahun 2024, sebanyak **RM10,150,200.00** telah diagihkan kepada 23,528 orang penerima.

Bermula tahun 2025, MAINPP melalui ZPP akan **melakukan penambahbaikan** di dalam proses pengagihan Skim Agihan Pakaian dan Peralatan Persekolahan dan Skim Agihan Nur Ramadan.

Bagi penambahbaikan proses pengagihan **Skim Agihan Pakaian dan Peralatan Persekolahan**, ianya hanya akan melibatkan pencalonan penerima daripada pihak sekolah dan ZPP sahaja. Manakala proses pengagihan **Skim Agihan Nur Ramadan** hanya akan melibatkan 3 pihak sahaja iaitu ZPP sebagai penyedia data asnaf kepada Masjid Kariah dan seterusnya data berkenaan akan disahkan oleh Masjid Daerah di Pulau Pinang.

Proses pencalonan skim ini kali ini tidak akan melibatkan pihak lain seperti kebiasaan tahun-tahun sebelumnya seperti penglibatan Ahli MAINPP, Ahli Lembaga Pengarah ZPP, pejabat KADUN dan NGO di Pulau Pinang.

Keputusan ini dibuat bagi memastikan pengagihan Skim Agihan Pakaian dan Peralatan Persekolahan serta Skim Agihan Nur Ramadan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan telus.

MAINPP sentiasa mengambil berat dalam memastikan kelestarian asnaf di Pulau Pinang sentiasa terpelihara agar dana zakat dapat diagihkan dengan lebih baik dan bersistematik.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Sekian. Terima kasih.

**YB DATO' DR MOHAMAD BIN ABDUL HAMID**

**Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang**

**27 Disember 2024**